

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan

1. Institusi raja telah wujud sejak Zaman Kerajaan Melayu Awal lagi. Sultan atau Raja merupakan _____ yang berkuasa ke atas rakyat dan kerajaannya.

A. pemerintah	C. penasihat
B. ketua kerajaan	D. pentadbir

2. Sistem pemerintahan pada Zaman Kerajaan Melayu Awal adalah seperti berikut **kecuali**

A. Sultan tidak berkuasa
B. Sultan ialah ketua kerajaan
C. Penasihat Sultan ialah Perdana Menteri
D. Semua keputusan undang-undang dan pentadbiran di tangan Sultan

3. Sistem pemerintahan semasa Pentabiran British meletakkan Sultan sebagai_____

A. Pemerintah tertinggi negara
B. Pemerintah dalam segala hal negara
C. Penasihat untuk semua hal berkaitan negara
D. Ketua agama Islam dan adat istiadat bagi negerinya

4. Sistem pemerintahan yang diamalkan di Negara kita ialah sistem

A. Yang di-Pertuan Agong
B. Demokrasi berparlimen
C. Sistem Beraja
D. Pilihan raya

6. Maksud **waadat** di dalam buku teks ialah

- | | |
|------------|---------------|
| A. Taat | C. Watikah |
| B. Warisan | D. Perjanjian |

7. Istana adalah lambang _____ dan simbol budaya bagi setiap Negara

- | | |
|--------------|------------------|
| A. Kediaman | C. Keharmonian |
| B. Kemegahan | D. Kesejahteraan |

9. Berikut merupakan bukti kedatangan islam ke tanah Melayu

- A. Perlembagaan persekutuan
- B. Istana Negara
- C. Batu bersurat
- D. Masjid Negara

10. Selain Batu Bersurat di Teresat, Terengganu. Berikan bukti kedatangan Islam ke Tanah Melayu

- A. Masjid Negara
- B. Masjid Putrajaya
- C. Hukum Karma
- D. Hukum Kanun Melaka

11. Berikut adalah agama dan kepercayaan yang wujud di Tanah Melayu, **kecuali**

- | | |
|-------------|-------------|
| A. Islam | C. Kristian |
| B. Animisme | D. Yahudi |

12. Penyebaran agam Islam di Tanah Melayu telah dibawa oleh _____ yang datang dari Arab dan Parsi

- | | |
|---------------|------------|
| A. Pengembara | C. Pejuang |
| B. Pedagang | D. Raja |

13. Apakah kedudukan Agama Islam dalam perlembagaan?

- A. Agama Perpaduan
- B. Agama Persekutuan
- C. Agama Pertama
- D. Agama Utama

14. Mengapakah kita mesti saling menghormati amalan dan kepercayaan agama lain?

- A. Kita akan hidup harmoni
- B. Toleransi tidak wujud dalam masyarakat.
- C. Sikap tidak menghormati antara satu sama lain
- D. Tidak menghargai amalan dan budaya keagamaan lain.

15. Bahasa Melayu berasal dari rumpun _____

- A. Arab
- B. Sumatera
- C. Australia
- D. Austronesia

16. Bahasa Melayu berperanan sebagai simbol _____ di negara kita.

- A. Ketaatan
- B. Perpaduan
- C. Kemegahan
- D. Kemakmuran

17. *Lingua Franca* ialah bahasa _____ antara masyarakat berlainan bahasa.

- A. Keharmonian
- B. Perpaduan
- C. Perantaraan
- D. Kemakmuran

18. Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka penting untuk _____ bahasa Melayu.

- A. Mengindahkan
- B. Memartabatkan
- C. Mengharmonikan
- D. Mengekalkan

19. Pernyataan berikut merupakan salah satu contoh peranan bahasa Melayu pada masa kini.

Pelajar Sekolah Kebangsaan Sungai Danga 2 mempelajari subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu

Apakah peranan bahasa Melayu yang paling tepat menggambarkan contoh di atas?

- A. Bahasa Persuratan
- B. Bahasa Pendidikan
- C. Bahasa Perantaraan
- D. Bahasa Rasmi

20. Manakah antara berikut yang dapat meningkatkan imej bahasa Melayu di peringkat antarabangsa sebagai bahasa persuratan?

- A. Mempromosikan novel-novel karya Sasterawan Negara
- B. Mengadakan pameran artifak Sejarah
- C. Menganjurkan kempen Mari Melawat Malaysia
- D. Menyertai sukan Olimpik

(20 Markah)

BAHAGIAN B

Arahan : Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

1. Berikan gelaran bagi ketua negeri yang mengekalkan institusi raja di bawah:

Negeri	Gelaran
Perlis	
Kedah	
Perak	
Selangor	
Negeri Sembilan	
Johor	
Pahang	
Terengganu	
Kelantan	

(9 Markah)

2. Namakan bukti kedatangan Islam ke Tanah Melayu berikut:



(2 Markah)

3.

Senaraikan tiga Negara yang dikaitkan dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu

--	--	--

(3 Markah)

4 Padankan pernyataan di bawah.

Kedudukan Sultan
Peranan Sultan
Daulat
Negeri Sembilan
Derhaka
Waadat

Melambangkan kekuasaan dan keagungan Sultan
Yang di-Pertuan Besar
Ingkar perintah Raja
Menduduki tempat tertinggi dalam sistem pemerintahan
Ketua negeri, ketua agama Islam, ketua adat istiadat dan simbol kedaulatan
Perjanjian

(6 Markah)

BAHAGIAN C

Arahan : Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

1. Sebagai seorang pelajar berikan contoh aktiviti di sekolah yang boleh memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan

(5 Markah)

2. Pada pendapat anda, apakah kepentingan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan?

(5 Markah)

Kertas soalan tamat